



PERBADANAN LABUAN
PETI SURAT 81245
87022 W.P. LABUAN

KENYATAAN TENDER

1. Tender adalah dipelawa kepada kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK), Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dalam Kelas dan Gred Pendaftaran yang berkaitan**, serta masih dibenarkan membuat tawaran pada masa ini bagi kerja berikut:

TAJUK PROJEK DAN NO. TENDER	KELAS, KEPALA DAN SUB-KEPALA	TEMPAT DAN TARIKH DOKUMEN MULAI DIJUAL	TEMPAT DAN TARIKH MELAPOR DIRI BAGI LAWATAN TAPAK	HARGA DOKUMEN DAN BAYARAN ATAS NAMA	TARIKH TENDER DITUTUP
Cadangan Kerja-Kerja Penyelenggaraan Ruang Pejabat Kaunter Setempat Perbadanan Labuan Serta Kerja-Kerja Berkaitan Di Tingkat Bawah Blok B, Wisma Perbadanan Labuan No. Tender: PL.(T).02.2017(JPK)	Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) Gred G4 Kategori B Pengkhususan B04 ATAU B28 ATAU B24 Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)	Kaunter Bayaran, Tingkat 1, Wisma Perbadanan Labuan 29/11/2017 Hingga 20/12/2017	Jabatan Pembangunan dan Kejuruteraan, Tingkat 6, Menara Perbadanan Labuan 28/11/2017 Jam 9.30 Pagi	RM 150.00 (Bank Draf / Wang Pos) Perbadanan Labuan (Tidak dikembalikan)	21/12/2017 (Khamis) Jam 12.00 Tengah hari

2. Taklimat tender dan lawatan tapak adalah **DIWAJIBKAN**. Dokumen tender tidak akan dijual kepada kontraktor yang tidak menghadiri taklimat dan lawatan tapak.
3. Hanya penama dalam SPKK dan CIDB sahaja yang boleh menghadiri taklimat / lawatan tapak tender. Kontraktor / Syarikat juga tidak dibenarkan mewakilkan pegawai lain selain daripada penama di dalam sijil. Oleh itu syarikat perlu membawa bersama sijil asal dan pengenalan diri semasa menghadiri taklimat / lawatan tapak. (Rujuk Pekeliling Perbendaharaan Malaysia PK 2/2013)
4. Masa Penjualan Dokumen: **Isnin-Khamis : (8.00 pagi – 1.00 tengah hari) / (2.00 – 4.00 petang)**
Jumaat : (8.00 – 11.00 pagi) / (2.00 – 4.00 petang)
5. Dokumen Meja Tender boleh disemak di **Jabatan Pembangunan dan Kejuruteraan** semasa waktu pejabat. Bagi tujuan pembelian dokumen tender, Kontraktor dikehendaki mengemukakan Sijil Pendaftaran **ASAL** yang masih sah tempohnya. **Salinan-salinan Perakuan dan / atau Sijil yang berkenaan boleh diterima jika disahkan oleh pejabat yang mengeluarkannya.**
6. Dokumen Tender yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat bermeteri dan bertanda dengan jelas di penjuru atas sebelah kiri No. Tender dan Tajuk Kerja dan dimasukkan ke dalam Peti Tender di alamat:-

KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF
PERBADANAN LABUAN
PETI SURAT 81245

87022 WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN

KENYATAAN INI JUGA TERDAPAT DI LAMAN WEB PERBADANAN LABUAN DI ALAMAT: www.pl.gov.my